



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[METHODOLOGY OF MUSLIM PRIESTS IN PREPARING HADITH  
TEXT IN ITS VALIDITY]**

**METODOLOGI IMAM MUSLIM DALAM PENYUSUNAN TEKS  
HADITH DALAM SAHIHNYA**

MOHD FAIZ HAKIMI MAT IDRIS<sup>1\*</sup>  
ISHAK SULIAMAN<sup>1</sup>  
AHMAD ZAHID YUSOF<sup>1</sup>  
SOFYUDDIN YUSOF<sup>1</sup>  
ABDILLAH HISHAM ABDUL WAHAB<sup>1</sup>  
MOHD A'ATARAHM MOHD RAZALI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampus Gong Badak, Kuala Nerus Terengganu, Malaysia.

\*Corresponding author: [mfhakimi@unisza.edu.my](mailto:mfhakimi@unisza.edu.my)

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

**Abstract**

*This article aims to reveal the methodology of Sahih Muslim from the aspect of display of hadith text pioneered by Imam Muslim. The research and analysis done shows that he used several approaches while in the process of listing the hadith in his Sahih. Such approaches include aspects related to the narration of hadith al-Mu'al, al-Musahhaf and al-Muharraf, al-Maqlub, al-Abwab al-Hadithiyyah, repetition of hadith, Mushkil al-Hadith, al-Nasikh wa al-Mansukh and hadith al-Mudraj. This approach is a testament to his high level of mastery in the ins and outs of the narrated hadiths besides also showing his meticulous and meticulous nature during the process of collecting, filtering and listing the hadiths.*

*Keywords: Sahih Muslim, methodology, hadith text, Imam Muslim.*

**Abstrak**

Artikel ini bertujuan untuk menzahirkan metodologi Sahih Muslim dari aspek paparan teks hadith yang dirintis oleh Imam Muslim. Penelitian dan analisis yang dilakukan menunjukkan beliau menggunakan beberapa pendekatan ketika dalam proses menyenaraikan hadith dalam Sahihnya. Pendekatan tersebut merangkumi aspek yang berkaitan dengan periwayatan hadith al-Mu'al, al-Musahhaf dan al-Muharraf, al-Maqlub, al-Abwab al-Hadithiyyah, pengulangan hadith, Mushkil al-Hadith, al-Nasikh wa al-Mansukh dan hadith al-Mudraj. Pendekatan ini merupakan satu bukti kepada tahap penguasaan beliau yang begitu tinggi dalam selok belok hadith-hadith yang diriwayatkan selain turut menunjukkan sifat cermat dan teliti beliau semasa proses pengumpulan, penyaringan dan penyenaian hadith-hadith.

**Kata kunci:** Sahih Muslim, metodologi, teks hadith, Imam Muslim.

**Cite as:** Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, Ishak Suliaman, Ahmad Zahid Salleh, Sofyuddin Yusof, Abdillah Hisham Abdul Wahab, Mohd A'Tarahim Mohd Razali & Nor Hafizi Yusof. 2015. Metodologi Imam Muslim dalam Penyusunan Teks Hadith dalam Sahihnya. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10(1): 73-81.

## PENGENALAN

Sahih Muslim mempunyai dua nama iaitu al-Musnad al-Sahih dan al-Jami' al-Sahih. Ianya merupakan nama pendek bagi kitab ini. Nama lengkapnya ialah al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min al-Sunan bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl 'an Rasul Allah Salla Allah 'Alayh wa Sallam (Abd al-Fattah, 1992). Ianya disusun oleh al-Imam Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj Ibn Muslim Ibn Ward Ibn Kushadh al-Qushayri al-Naysaburi. Kunyahnya ialah Abu al-Husayn dan beliau tidak mempunyai laqab. Naysabur adalah tempat kelahiran dan wafatnya. Dilahirkan pada tahun 204 hijrah dan meninggal pada tahun 261 hijrah (Muhammad Ibn Tahir, 1984). Keunikan kitab ini antaranya ialah kerana kesemua hadith di dalamnya merupakan hadith sahih, dan ia berada pada ranking yang kedua selepas Sahih al-Bukhari. Selain itu Imam Muslim begitu kreatif dalam menyusun hadith-hadith di mana beliau meletakkan hadith-hadith yang berulang di dalam satu bab atau tajuk, tidak sebagaimana yang dibuat oleh Imam al-Bukhari yang mengulangi hadith-hadith yang sama dalam bab atau tajuk yang berbeza. Ketokohan Imam Muslim dalam meringkaskan sanad-sanad begitu jelas. Ini dapat dilihat apabila beliau mampu menyebut semua perbezaan-perbezaan yang berlaku dalam sanad dan matan hadith dengan begitu baik dan teliti sekali (Mohd Murshidi, 2008). Beliau sama sekali tidak meriwayatkan hadith dari perawi yang pendusta atau pun lalai. Makki Ibn 'Abdan Ahmad berkata "aku mendengar Muslim Ibn al-Hajjaj berkata sekiranya ahli hadith menulis hadith selama dua ratus tahun, maka hadith yang ditulis oleh mereka ini adalah tidak terkeluar dari lingkungan hadith yang terkandung dalam sahih ini" dan beliau menambah lagi "aku bantangkan kitabku ini kepada Abu Zur'ah al-Razi dan setiap kali beliau mengatakan sesuatu hadith itu ada 'illah maka aku akan abaikan hadith itu, dan setiap kali beliau mengatakan bahawa hadith itu adalah sahih dan tidak terdapat 'illah maka aku akan masukkan hadith itu ke dalam kitab ini" (Muhyi al-Din al-Nawawi, 2005) Melihat kepada aspek tujuan dan matlamat kitab ini disusun, ianya boleh dibahagikan kepada dua iaitu matlamat umum dan khusus. Matlamat umum merujuk kepada keinginan penyusun untuk mengumpul hadith-hadith Nabi s.a.w. Matlamat khusus pula yang menjadi perkara paling utama kepada penyusun kitab bolehlah diperincikan seperti berikut;

- i. Menghimpunkan hadith-hadith sahih yang datang dari Nabi s.a.w., dan itulah sebenarnya realiti kitab ini yang dikenali dengan nama Sahih Muslim.
- ii. Membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan fikh secara umum. Ini jelas dapat dilihat melalui cara penyusunan beliau yang lebih mirip kepada penyusunan bab-bab dalam kitab-kitab fikh, selain beliau turut mengemukakan riwayat-riwayat hadith yang mengandungi lafaz-lafaz yang berbeza yang memudahkan ulama-ulama yang

terkemudian dalam perkara yang berkait dengan ijihad dan rujukan serta perbincangan tentang satu-satu dalil. Dr. Amin Muhammad al-Qudah dan Dr. Sharaf Mahmud al-Qudah merumuskan mawdu ‘utama kepada kitab Sahih Muslim ialah “al- Sina‘ah al-Hadithiyyah Sanadan wa Matnan”, yang bermaksud “penelitian dan pengkajian hadith dari aspek sanad dan matan” (Amin Muhammad al-Qudah).

## **METODE PENYUSUNAN TEKS HADITH DALAM SAHIH MUSLIM**

Sahih Muslim mempunyai ciri-ciri yang menyebabkannya menjadi begitu unik dalam kalangan sarjana Islam. Hadith di dalamnya tersusun dalam satu bentuk yang menarik, ketelitian dalam pemilihan riwayat-riwayat hadith, selain daripada ringkasan sanad dan turuq hadith yang dikemukakan dalam bentuk yang begitu canggih dan kreatif. Muhammad ‘Abd al-Rahman pula membahagikan metode penyusunannya kepada dua iaitu metode yang berkait dengan sanad dan metode yang berkait dengan matan (Rabi‘Ibn Hadi). Perincian kepada metode penyusunan matan (teks) hadith adalah seperti berikut:

### **Persembahan dan periwayatan hadith al-Mu‘al**

Imam Muslim begitu teliti dan cermat dalam pemilihan, penelitian dan penyenaian hadith-hadith yang terdapat dalam sahihnya. Beliau sedaya upaya cuba menapis setiap hadith yang mempunyai ‘illah pada perawinya. Kerana itulah beliau menapis dan menyaring sebanyak tiga ratus ribu hadith (300000) sebelum memasukkannya ke dalam sahihnya. Tidak cukup dengan itu beliau juga mengemukakan sahihnya kepada Abu Zur‘ah al-Razy bagi proses penapisan dan penelitian yang lebih halus dan terperinci, yang mana khidmat nasihat dan teguran yang dikemukakan oleh beliau berkaitan ‘illah perawi akan diambil kira oleh Imam Muslim dimana beliau bertindak menggugurkan hadith tersebut dari sahihnya ( ‘Abd al-Rahman, 2000). Contohnya ketelitian beliau dalam perihal berhubung dengan ‘illah adalah seperti periwayatan hadith berikut;

حدثني زهير بن حرب حدثنا عبد الرحمن بن مهدي بن ميمون عن غيلان عن عبد الله بن معبد الزماني عن أبي الانصاري رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم سئل عن صوم الاثنين فقال فيه ولدت وفيه أنزل على

(Muslim, 2009)

Mengulas tentang hadith di atas, Imam Muslim menyatakan bahawa beliau tidak menyenaraikan hadith yang diriwayatkan oleh Shu‘bah yang mengandungi lafaz “puasa pada hari Isnin dan Khamis” kerana beliau berpendapat terdapat kekeliruan pada perkataan “Khamis”, justeru itu dengan bersandarkan kepada riwayat-riwayat lain-lain beliau tidak menyenaraikan hadith berkenaan dan memasukkan hadith yang tidak sebarang kekeliruan pada setiap patah perkataannya. Ini merupakan bukti jelas tingginya tahap keprihatinan beliau dalam perkara yang berhubung kait dengan ‘illah pada periwayatan seseorang perawi.

## Periwayatan al-Musahhaf dan al-Muharraf

Musahhaf merujuk kepada perubahan yang berlaku pada titik sesuatu perkataan, manakala al-Muharraf pula merujuk kepada perubahan baris yang berlaku kepada baris sesuatu perkataan ('Abd al-Rahman, 2000). Perubahan ini terjadi kerana perawi agak lemah dari segi hafalannya. Aspek ini amat dititikberatkan oleh Imam Muslim kerana apa saja perubahan yang berlaku pada sesuatu perkataan samada melibatkan baris atau pun titik ianya pasti akan membawa perubahan besar kepada makna dan maksud sebenar sesebuah hadith. Contohnya ialah sebuah hadith yang disebut oleh Imam Muslim dalam muqaddimahnyanya.

حدثنا حسن الحلواني قال سمعت شباة قال كان عبد القدوس يحدثنا فيقول سويد غقلة شباة وسمعت عبد القدوس يقول نهي رسول الله صلى الله عليه وسلم أن يتخذ الروح عرضا قال فقليل له أي شيء هذا قال يعني تتخذ كوة في حائط ليدخل عليه الروح .

## Periwayatan al-Maqlub

Al-Maqlub merujuk kepada perubahan atau pertukaran sesuatu perkataan dalam sesebuah hadith samada pada sanad atau pun matan ('Umar Hashim). Dalam hal ini Muhammad 'Abd al-Rahman menjelaskan hanya terdapat sebuah sahaja hadith yang boleh disenaraikan dalam kategori ini. Hadithnya adalah seperti berikut

عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال سبعة يظلهم الله في ظله يوم لا ظل الا ظله الامام العادل وشاب نشأ بعبادة الله ورجل قلبه معلق في المساجد ورجلان تحابا في الله اجتمعا عليه وتفرقا عليه ورجل دعت امرأته ذات منصب وجمال فقال إن أخط الله ورجل تصدق بصدقة فأخفاها حتى تعلم يمينه ما تنفق شماله ورجل ذكر الله خاليا ففاضت عيناه

Menurut Muhammad Abd al-Rahman, hadith ini berlaku sedikit kekeliruan dalam kalangan perawi hadith pada lafaz *hatta la ta'lam yaminuh ma tunfiq shimaluh* (حتى لا تعلم يمينه ما تنفق شماله) di mana dia terkeliru lalu meletakkan perkataan *yaminuh* (يمينه) pada tempat *shimaluh* (شماله) dan begitulah sebaliknya. Sedangkan yang sebetulnya dan sebenarnya menurut beliau (حتى لا) *hatta la ta'lam shimaluh ma tunfiq yaminihi* (حتى لا تعلم شماله ما تنفق يمينه). Walau bagaimanapun beliau seterusnya menukarkan kata-kata al-Qadi Iyad pertukaran perkataan ini berkemungkinan berlaku dari mereka yang meriwayatkan dari Imam Muslim dan bukannya kesilapan Imam Muslim (Abd al-Rahman, 2000).

## Pendekatan Imam Muslim dalam al-Abwab al-Hadithiyyah

Sebagaimana yang sedia maklum, Imam Muslim menghimpun di dalam sahihnya hadith-hadith yang mempunyai topik perbincangan yang sama pada satu tempat yang dikenali dengan nama al-Bab al-Hadithiyy. Beliau mendahulukan sesebuah al-Bab al-Hadithiyy dengan meletakkan hadith utama yang diriwayatkan oleh seorang sahabat r.a atau lebih, kemudian selepas itu beliau akan menyusuli hadith itu dengan beberapa hadith lain yang mempunyai persamaan dari segi

topik perbincangannya. Beliau menyusun hadith-hadith tersebut berdasarkan urutan sesebuah peristiwa ('Abd al-Rahman, 2000). Contoh yang paling jelas ialah hadith berkenaan pengharaman memakan daging korban selepas tiga hari, pengharusannya seterusnya pemansuhannya. Pada permulaan bab, beliau menyenaraikan hadith tentang larangan tersebut iaitu

حدثني عبد الجبار بن العلاء حدثنا سفيان حدثنا الزهري عن ابي عبيد قال شهدت العيد مع علي بن ابي طالب فبدأ بالصلاة قبل الخطبة وقال إن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهانا أن نأكل من لحوم نسكنا بعد ثلاث .

(Muslim, 2009)

Maksudnya: ...sesungguhnya Nabi s.a.w. melarang kami memakan daging korban selepas tiga hari.

Selepas hadith tersebut, beliau membawakan pula hadith yang mengharuskan berbuat demikian dan memansuhkan larangan sebelumnya. Hadith tersebut ialah;

حدثنا يحيى بن قال قرأت على مالك عن أبي الزبير عن جابر عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه نهى عن أكل لحوم الضحايا بعد ثلاث ثم قال بهد كلوا وتزودوا وادخروا

Maksudnya: ...sesungguhnya Baginda s.a.w dulu melarang kami memakan daging sembelihan selepas tiga hari tetapi kemudian selepas itu baginda s.a.w menyuruh kami memakan dan menyimpannya.

Hadith-hadith ini yang dikemukakan secara mengikut urutan peristiwa memberi kemudahan dan manfaat kepada ahli hadith, ahli fikh mahupun orang awan dalam memahami sesebuah hadith.

### **Metode pengulangan hadith**

Imam Muslim tidak akan mengulangi sesebuah hadith di dalam sahihnya melainkan atas sebab-sebab dan bagi faedah-faedah tertentu. Tujuan pengulangannya ialah untuk memberi penjelasan yang lebih mendalam tentang maksud sebenar sesebuah hadith bersesuaian dengan bab sesebuah hadith. Terdapat beberapa bentuk pengulangan yang dilakukan oleh Imam Muslim bagi sesebuah hadith antara ialah dengan mengemukakan teks lengkap bagi sesebuah hadith yang telah disebut sebelumnya dalam bab yang berlainan ('Abd al-Rahman, 2000). Contohnya hadith berikut, ianya telah disebut oleh Imam Muslim dengan teks yang lengkap dalam dua bab yang berlainan iaitu Kitab al-'Itq dan Kitab al-Ayman wa al-Nudhur.

عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال قال من أعتق شقيصا لع في عبد فخلاصه في ماله إن كان له مال

فإن لم يكن له مال استسعى العبد غير مشقوق عليه

(Muslim, 2009)

Selain bentuk pengulangan seperti di atas, Imam Muslim juga mengulang teks sesebuah hadith dengan hanya memetik sebahagian daripada hadith yang telah diriwayatkan secara lengkap dalam bab yang sebelumnya (‘Abd al-Rahman ,2000). Contohnya adalah seperti hadith berikut

عن عبد الرحمن بن سمرة قال قال لي رسول الله صلى الله عليه وسلم يا عبد الرحمن بن سمرة لا تسأل الإمارة فإنك إن أعطيتها عن مسألة وكلت إليها وإن أعطيتها عن غير مسألة اعنت عليها وإذا حلفت على يمين فرأيت غيرها خيرا منها فكفر عن يمينك وأتت الذي هو خير .

Hadith ini telah disebut oleh Imam Muslim dengan teks yang lengkap dalam Kitab al-‘Ayman wa al-Nudhur dan telah diulang dalam Kitab al-‘Imarah dengan memetik sebahagian daripada teks hadith iaitu;

### **Pendekatan dalam Mushkil al-Hadith**

Mushkil al-Hadith boleh didefinisikan sebagai “hadith-hadith yang diriwayatkan dari Nabi s.a.w yang mempunyai makna yang mustahil dari segi zahirnya atau pun berlawanan dengan kaedah-kaedah syarak” (Usamah Ibn ‘Abd Allah, 1421 hij.) Contohnya ialah seperti hadith-hadith yang berkaitan dengan sifat mutashabihat. Apakah pendekatan beliau dalam hal ini?. Imam Muslim dalam hal ini beliau tidak memberikan sebarang ulasan terhadap hadith-hadith yang berkenaan. Beliau sekadar mengemukakan hadith tanpa menyatakan manhaj terbaik bagi berinteraksi dengan hadith- hadith sedemikian (‘Abd al-Rahman ,2000).

### **Pendekatan dalam al-Nasikh wa al-Mansukh**

Imam Muslim begitu mengambil berat tentang aspek ini. Beliau mengemukakan cara yang mudah dan sistematik, justeru itu hadith-hadith ini dapat dikesan dengan mudah dan tanpa perlu kepada sebarang penjelasan atau pun analisis. Caranya ialah dengan mendahulukan hadith yang telah dinasakhkan kemudian disusuli dengan hadith yang menasakhkannya (‘Abd al-Rahman ,2000). Contohnya ialah hadith yang mewajibkan seseorang itu mandi dengan sebab keluar air mani sahaja seperti hadith di berikut

عن أبي سعيد الخدري عن أبيه قال خرجت مع رسول الله صلى الله عليه وسلم يوم الاثنين إلى قباء حتى إذا كنا في بني سالم وقف رسول الله صلى الله عليه وسلم على باب عتبان فصرح به فخرج يحبر إزاره فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم أعجلنا الرجل فقال عتبان يا رسول الله أرايت الرجل يعجل عن امرأة ولم يمين ماذا عليه قال رسول الله

صلى الله عليه وسلم إنما الماء من الماء

Maksudnya “...sesungguhnya mandi itu dengan sebab keluarnya air mani”

Selepas hadith berkenaan yang telah dimansuhkan, beliau mengemukakan satu bab yang menyenaraikan hadith-hadith yang telah menasakhkan hadith yang sebelumnya. Antara hadith tersebut ialah;

عن أبي هريرة أن نبي الله صلى الله عليه وسلم قال إذا جلس بين شعبها الأربع ثم جهدها فقد وجب عليه الغسل  
وفي حديث مطر وإن لم ينزل

(Muslim, 2009)

Maksudnya “...apabila berada di antara empat pehanya kemudiannya dia mengerak - gerakannya maka wajib ke atasnya mandi sekalipun dia tidak inzal”

Susunan sebagaimana yang ditunjukkan di atas jelas memudahkan pembaca mengesan dan memahami hukum yang telah dimansuhkan dan hukum baru yang diguna pakai.

### **Pendekatan dalam hadith al-Mudraj**

Al-Mudraj boleh diertikan sebagai sesuatu yang diselitkan dalam teks asal sesebuah hadith samada ianya berupa teks hadith lain yang lengkap atau hanya potongan hadith atau pun kata-kata perawi yang bertujuan memberi penjelasan tentang maksud hadith, sehingga menampakkan seolah-olah ianya hanya merupakan satu teks hadith sahaja, yang mengakibatkan timbul kekeliruan dalam kalangan mereka yang tidak mengetahui keadaan sebenar hadith tersebut hingga menimbulkan sangkaan seolah-olah al-Mudraj itu (hadith yang diselitkan dengan teks sesebuah hadith (Abd Rahman, 2000). Contohnya adalah seperti berikut:

عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال إذا اقترب الزمان لم تكذب رؤيا المسلم تكذب وأصدقكم رؤيا المسلم  
جزء من خمس وأربعين جزءا من النبوة والرؤيا ثلاثة فرؤيا الصلحة بشرى من الله ورؤيا تحزين من الشيطان ورؤيا مما  
يحدث المرء نفسه فإن رأى أحدكم ما يكره فليقم فيلصل ولا يحدث بها الناس قال وأحب القيد وأكره الغل والقيد  
ثبات في الدين فلا أدري هو في الحديث أم قاله ابن سيرين

(Muslim, 2009)

Perkataan yang bergaris di atas adalah merupakan unsur-unsur idraj yang terdapat dalam teks hadith berkenaan. Ianya dijelaskan oleh Imam Muslim dengan kata-katanya dalam hadith di bawah:

حدثناه إسحاق بن إبراهيم أخبرنا معاذ بن هشام حدثنا أبي عن قتادة محمد بن سيرين عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم وأدرج في الحديث قوله وأكره الغل إلى تتم الكلام

(Muslim, 2009)

Maksudnya: "...Abu Hurayrah telah menyelitkan kata-katanya sendiri dalam" hingga akhir hadith tersebut" أَكْرَهُ الْغُلَّ. hadith ini bermula dari perkataan "

Dari contoh di atas, jelas kepada kita bahawa Imam Muslim begitu memberi penekanan kepada aspek idraj ini, di mana beliau akan mengemukakan terlebih dahulu hadith tersebut kemudian disusuli dengan hadith yang lain yang menerangkan unsur mudarraj yang terjadi dalam teks hadith berkenaan.

## KESIMPULAN

Imam Muslim mempunyai cara dan pendekatan yang tersendiri dalam penyusunan teks hadith dalam Sahihnya. Pendekatan ini menjadi bukti kepada kesungguhan beliau yang begitu tinggi dalam memastikan kesahihan dan ketulenan hadith yang disenaraikan. Ini jelas menunjukkan penguasaan beliau tentang selok belok yang berkait dengan sesebuah hadith yang diriwayatkan selain turut memaparkan sifat cermat dan teliti ketika proses mengumpul, menyaring dan menyenaraikan hadith-hadith.

## RUJUKAN

- ‘Attar, Rashid al-Din Yahya Ibn ‘Ali al- (1996), *al-Imam Muslim wa Manhajuh fi al-Sahih wa Atharuh fi ‘Ilm al-Hadith*. Riyadh: Dar al-Sami‘i li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- ‘Azim Abadi, al-‘Allamah Abu Tayyib Muhammad Shams al-Haq al- (1979), *‘Awn al-Ma‘bud Sharh Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Sulayman, Hamd Ibn Muhammad al-Khattabi al-Busti (1932), *Ma‘alim al-Sunan*, 5 j. Halab: Matba‘ah al-‘Ilmiyyah.
- Ahmad ‘Ata’ Ibrahim Hasan (2008), *al-Sina‘ah al-Hadithiyyah fi Sharh al-Nawawi ‘ala Sahih Muslim*. Kaherah: Maktabah Zahra’ al-Sharq.
- Ahmad ‘Umar Hashim (1990), *Qawa‘id Usul al-Hadith*.
- Al-Sharif Hatim Ibn ‘Arif al-‘Awni (1996), *al-Manhaj al-Muqtarah li Fahm al-Mustalah*. Riyadh: Dar al-Hijrah li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Baihaqi, Abu Bakr Ahmad Ibn Husayn al- (1988), *al-I‘tiqad wa al-Hidayah ila Sabil al-Rashad ‘ala Madhhab al-Salaf wa Ashab al-Hadith*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Baihaqi, Abu Bakr Ahmad Ibn Husayn al- , *Kitab al-Asma’ wa al-Sifat*. Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy. Beirut: Dar al-Nafa’is li al-Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Dhahabi, Shams al-Din Muhammad Ibn Ahmad Ibn ‘Uthman al- (2010), *Kitab Mustalah al-Hadith*. Doha: Dar al-‘Imam al-Bukhari li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Ibn Salah, Abu ‘Amru ‘Uthman ‘Abd al-Rahman (1986), *‘Ulum al-Hadith*. Damsyik: Dar al-Fikr al-



- Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Kawthari, Muhammad Zahid al- (1998), *Maqalat al-Kawthari*. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Laknawi, Muhammad 'Abd al-Hayy al-Hindi al- (1984), *Siyanah Sahih Muslim min al-Ikhlal wa al-Ghalat wa Himayatuh min al-'Isqat wa al-Saqat*. Dar al-Gharb al-Islami.
- Laknawi, Muhammad 'Abd al-Hayy al-Hindi al- (1987), *al-Raf'u wa al-Takmil fi al-Jarh wa al-Ta'dil*, c. 3. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Madkhali, Rabi' Ibn Hadi al-, *Bayn al-'Imamayn Muslim wa al-Daruqutni*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Mahmud Fakhuri , al-'Imam Muslim Ibn al-Hajjaj.
- Malibari, Hamzah 'Abd Allah al- (1997), *'Abqariyyah al-Imam Muslim fi Tartib Ahadith Musnadih al-Sahih*. Beirut: Dar Ibn Hazm li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Mohd Murshidi Mohd Noor et al (2008), *al-Syarikah Perkongsian*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya.
- Mubarakfuri, Safiyy al-Rahman al- (1995), *al-Rahiq al-Makhtum*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Mubarakfuri, Safiyy al-Rahman al- (1999), *Minnah al-Mu'im fi Sharh Sahih Muslim*, 4 j. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Muhammad Abu Lath al-Khayr Abadi (2009), *'Ulum al-Hadith Asiluha wa Mu'asiruha*, c. 6. Selangor: Darul Syakir.
- Muhammad 'Abd al-Rahman Tawalibah (2000), *al-Imam Muslim wa Manhajuh fi Sahihih*. Amman: Dar 'Ammar.
- Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi (2009), *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Qurtubah li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Qasimi, Muhammad Jamal al-Din al- (1987), *Qawa'id al-Ta'dith min Funun Mustalah al-Hadith*.
- Tahanawi, Zafar Ahmad al-'Uthmani al- (1996), *Qawa'id fi 'Ulum al-Hadith*, c. 6. Kaherah: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.